

بَابُ بُيَانِ الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ كَانَ سَقْفُ الْمَسْجِدِ مِنْ جَرِيدِ النَّخْلِ وَأَمَرَ عُمَرُ بِنَاءَ الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَمَّا النَّاسُ مِنَ الْمَطَرِ
وَيَاكَ أَنْ تُحْمَرَ أَوْ تُصَفَّرَ فَتَقْتَنِ النَّاسَ وَقَالَ أَسْرُبَا هَوْنَهَا ثُمَّ لَا يَعْمُرُونَهَا إِلَّا قَلِيلًا وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ لَزَخْرِقُهَا كَمَا زَخَرَفَتِ الْيَهُودُ
وَالنَّصَارَى

35- Bab Pembinaan Masjid (Nabi S.A.W.).⁶⁴⁶ Abu Sa'id Berkata: "Bumbung Masjid (Nabi S.A.W.) Daripada Pelepah Tamar."⁶⁴⁷ Umar Memerintah

Nabi s.a.w. yang menyokong `aqidah ini. (8) Para malaikat adalah makhluk Allah yang suci. Mereka berada di segenap pelusuk `alam semesta ciptaan Tuhan. Bilangan mereka sangat banyak. Antara kerja mereka ialah beristighfar dan mendoakan kebaikan untuk orang-orang yang berada di dalam masjid dengan sifat-sifat yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas. (9) Antara sifat malaikat yang disebutkan di dalam hadits ini ialah mereka sukakan tempat-tempat yang baik terutamanya masjid dan mereka tidak suka kepada kekotoran, kejahatan dan bau yang busuk. (10) Kita manusia muslim memerlukan kepada sokongan dan pertolongan malaikat dalam kehidupan ini untuk meringankan beban dosa dan mendapat lebih banyak rahmat Allah. (11) Umat Islam diajar bukan sahaja beradab dengan manusia, malah diajar juga supaya beradab dengan malaikat. (12) Sifat mengenang budi, tahu berterima kasih dan menghormati orang lain adalah salah satu ajaran Islam yang asasi. Kerana itulah umat Islam dianjurkan agar menghormati para malaikat yang amat banyak baktinya untuk kesejahteraan dan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat.

⁶⁴⁶ Hafiz Ibnu Hajar dan al-Aini berpendapat maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menggambarkan fasa-fasa pembinaan masjid Nabi s.a.w. dan tujuan pembinaannya. Mengikut Ibnu Baththaal, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menunjukkan bahawa sunnah Nabi s.a.w. dalam bab pembinaan masjid ialah bersederhana dan mengelak daripada sikap melampau dan berlebihan dalam mencantik dan meneguhkannya. Saiyyidina `Umar walaupun telah menguasai sekian banyak wilayah-wilayah musuh Islam dan beliau mempunyai kemampuan daripada segi keewangan untuk membina masjid yang cantik dan hebat, beliau tetap tidak mengubah masjid Nabi s.a.w. Apa yang dilakukan oleh beliau hanyalah pembaikan dan pembaharuan semata-mata. Saiyyidina `Utsman juga hanya menukar batu-bata (mentah) dengan batu-batu lain yang bercat. Bumbung daripada pelepah tamar ditukarnya hanya dengan kayu jati. Padahal kalau diambil kira kemampuan keewangan kerajaannya, beliau dapat membuat lebih hebat lagi dari itu. Semuanya tidak dilakukan oleh Abu bakar, `Umar dan `Utsman r.a. Tidak kerana lain melainkan kerana mereka menyedari Rasulullah s.a.w. suka bersederhana dalam segala hal. Baginda s.a.w. tidak suka berlebihan dan melampau walaupun dalam pembinaan masjid. Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi berpendapat, Bukhari mengemukakan atsar-atsar yang zahirnya bercanggah dengan tajuk utamanya iaitu "Pembinaan Masjid" ialah untuk menyatakan hukum mengukir, mengecat, mencantik, meninggi dan meneguhkan masjid adalah terlarang jika ia dilakukan dengan maksud bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk. Ia juga terlarang jika menyebabkan orang-orang yang bersembahyang di dalamnya terleka dan terpesona dengannya. Tetapi tidak terlarang kalau bukan dengan maksud-maksud tadi dan tidak pula menimbulkan keburukan-keburukan yang lain seperti telah dilakukan oleh Saiyyidina `Utsman r.a. di zaman pemerintahannya. Syeikhul hadits Maulana Zakariya pula berpendapat maksud Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah dua perkara. **Pertama:** Menyatakan kepentingan pembinaan masjid di dalam masyarakat Islam. Buktinya ialah antara perkara yang mula-mula sekali diberi perhatian oleh Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja Baginda sampai ke Madinah ialah soal pembinaan masjid. **Kedua:** Mengosongkan binaan masjid daripada segala bentuk perhiasan, ukiran dan penggunaan bahan-bahan mewah melebihi had keperluan sehingga yang lebih menarik perhatian dan mempesonakan orang ramai ialah bangunannya bukan pengisian di dalamnya. Menurut Syeikh Zakariya atsar Anas dan Ibnu `Abbaas tidak akan berma'na jika pembinaan masjid di dalam tajuk bab di atas dikhususkan dengan masjid Nabi s.a.w. semata-mata. Bagi penulis, (Semoga Allah mengampuninya) tajuk bab ini dibuat Bukhari untuk menyatakan apa yang perlu dijaga dalam pembinaan sesebuah masjid ialah niat dan keperluan. Niatlah yang menentukan nilai sesebuah masjid, bukan cantik hodohnya atau besar kecilnya. Tidak salah membuat masjid yang besar dan hebat jika niatnya ialah untuk menjaga kehormatannya dan memenuhi keperluan masyarakat. Umat Islam dalam rangka pembinaan masjid tidak terikat dengan rupa masjid nabi di peringkat awalnya. Kerana itulah Saiyyidina `Umar dan Saiyyidina `Utsman memperbesar dan memperluaskan masjid Nabi s.a.w. di zaman pemerintahan mereka apabila keadaan

Supaya Dibina Masjid Dan Beliau Berkata: Aku Mahu Melindungi Orang Dari Hujan, Tetapi Jangan Kamu Merahkan Atau Kuningkannya Sehingga Terpesona Pula Orang (Dengannya).⁶⁴⁸ Kata Anas: "Mereka Akan Berbangga-Bangga Pula Dengan Masjid-Masjid Itu, Kemudian Tidak Mema`murkannya (Menghidupkannya) Kecuali Sedikit Sahaja."<sup>649</sup> Ibnu `Abbaas Berkata: "Kamu Benar-Benar Akan Menghiasi Masjid Seperti Mana Orang-Orang Yahudi Dan Nashara Telah Menghiasi (Biara Dan Gereja Mereka)."⁶⁵⁰

memerlukannya. Tetapi kalau masjid dibina dengan cantik dan hebat dengan maksud menunjuk-nunjuk, bermegah-megah dan lain-lain tujuan duniawi, sudah tentulah itu bercanggah dengan tujuan asal pembinaan masjid yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

⁶⁴⁷ Kata-kata Abu Sa'id ini adalah sebahagian daripada haditsnya berkenaan dengan malam Qadar. Imam Bukhari sendiri mewashalkannya di dalam Kitab al-I'tikaaf dan lain-lain melalui saluran riwayat Abi Salamah daripada Abi Sa'id r.a. Di dalam Bab-Bab Sembahyang Jema'ah juga nanti akan datang riwayatnya.

⁶⁴⁸ Umar berkata begini ketika beliau bercadang memperbaharui masjid Nabi s.a.w. yang sebahagian besarnya telah buruk dan rosak di zaman pemerintahannya. Larangan Umar daripada mengecat masjid mungkin difahaminya daripada perbuatan Rasulullah s.a.w. mengembalikan kepada Abi Jaham selimut yang dihadiahkannya kepada Baginda s.a.w. Rasulullah s.a.w. mengembalikan selimut itu kepada Abi Jaham tidak kerana lain melainkan kerana ia bercorak-corak dan menampakkan kemewahan dunia. Mungkin juga yang mendorong Umar melarang orang mengecat masjid itu kerana beliau mempunyai pengetahuan khusus berhubung masalah ini.

⁶⁴⁹ Atsar Anas ini diwashalkan oleh Abu Ya'la di dalam Musnadnya dan Ibnu Khuzaimah di dalam Sahihnya melalui saluran riwayat Abi Qilaabah bahawa Anas berkata, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *يَأْتِي عَلَى أُمَّتِي زَمَانٌ يَتَبَاهَوْنَ بِالْمَسَاجِدِ وَلَا يَغْمُرُونَهَا إِلَّا قَلِيلًا* Bermaksud: "Akan datang suatu zaman kepada umatku. Mereka akan bermegah-megah dengan masjid-masjid tetapi tidak mema`murkannya kecuali sedikit." Hadist ini tidak sahih dengan lafaz ini. Di dalam isnadnya terdapat perawi dha'if bernama Saleh bin Rustam. Kunyahnya ialah Abu `Aamir al-Khazzaaz. Beliau dianggap dha'if kerana banyak terkeliru dalam periwayatannya. At-Thabaraani dengan isnad yang sama meriwayatkan hadits ini dengan sedikit perbezaan pada lafaznya iaitu *يَتَبَاهَوْنَ بِكَثْرَةِ الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: Mereka bermegah-megah dengan banyaknya bilangan masjid. Riwayat yang sahih ialah yang dikemukakan oleh Abu Daud, Nasaa'i, Darimi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan melalui saluran yang lain daripada Abi Qilaabah daripada Anas daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: *لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: Kiamat tidak akan berlaku selagi manusia tidak berbangga-bangga dengan masjid. Bagaimanapun hadits yang pertama tadi lebih dekat lafaznya dengan lafaz yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Maksud mema`murkan masjid yang tersebut di dalam hadits Anas ini ialah menghidupkannya dengan sembahyang, zikirillah, membaca al-Qur'an dan lain-lain pengisian yang berguna.

⁶⁵⁰ Demikianlah ta'liq ini diwashalkan oleh Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Abu Ya'la dan Ibnu Abi Syaibah melalui saluran riwayat Yazid bin al-Asham daripada Ibnu `Abbaas secara mauquf. Isnad Abu Daud, Ibnu Hibbaan dan Ibnu Abi Syaibah sahih mengikut syarat Muslim. Hadits ini termasuk dalam hadits *موقوف في حكم المرفوع* (hadits mauquf yang dikira seperti hadits marfu'). Selain atsar-atsar yang dikemukakan oleh Bukhari itu banyak lagi hadits-hadits dan atsar-atsar lain yang dengan lebih terang melarang umat Islam daripada berlumba-lumba membina masjid yang cantik-cantik dan kukuh teguh dengan maksud bermegah-megah. Ia juga mengancam mereka dengan bencana yang bakal menimpa, apabila mereka melupakan petunjuk yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. berhubung dengan perkara ini. Walaupun kebanyakan hadits dan atsar itu tidak sahih tetapi ia saling menguatkan. Kenyataan yang berlaku di akhir zaman juga membuktikan kebenarannya. Hadits-hadits dan atsar-atsar itu antara lainnya ialah seperti berikut: (1) Ibnu `Abbaas meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: *مَا أُمِرْتُ بِتَشْيِيدِ الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: "Aku tidak disuruh meninggi dan mengukuhkan masjid-masjid." (Hadits sahih ini diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Thabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). (2) Ibnu Abi Syaibah dengan isnadnya meriwayatkan daripada Ubai bin Ka'ab, katanya: *إِذَا حُلِيتُمْ مَصَاحِفَكُمْ وَزَوَّيْتُمْ مَسَاجِدَكُمْ فَالْأَمَارُ عَلَيْكُمْ* Bermaksud: "Apabila kamu menghiasikan mushaf-mushafmu dan menyobek masjid-masjidmu, maka kebinasaanlah yang akan menimpamu." Atsar ini bertaraf hasan. Atsar yang sama dan lebih kurang sama lafaznya dengan atsar Ubai ini diriwayatkan juga daripada Abu Sa'id al-Khudri, Abu Hurairah, Abu Zar dan Abu ad-Dardaa' r.a. (3) Ibnu Majah, Abu Ya'la dan Abu Nu'aim di dalam kitab mereka masing-masing meriwayatkan daripada Umar,

٤٢٧ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ سَعْدٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ صَالِحِ بْنِ كَيْسَانَ قَالَ حَدَّثَنَا نَافِعٌ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ أَخْبَرَهُ أَنَّ الْمَسْجِدَ كَانَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَبْنًى بِاللِّبْنِ وَسَقْفُهُ الْجَرِيدُ وَعُمْدَتُهُ خَشَبُ النَّخْلِ فَلَمْ يَزِدْ فِيهِ أَبُو بَكْرٌ شَيْئًا وَزَادَ فِيهِ عُمَرُ وَبَنَاهُ عَلَى بُنْيَانِهِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِاللِّبْنِ وَالْجَرِيدِ وَأَعَادَ عُمْدَتَهُ خَشَبًا ثُمَّ غَيَّرَهُ عُثْمَانُ فَزَادَ فِيهِ زِيَادَةً كَثِيرَةً وَبَنَى جِدَارَهُ بِالْحِجَارَةِ الْمَنْقُوشَةِ وَالْقَصَبَةِ وَجَعَلَ عُمْدَتَهُ مِنْ حِجَارَةٍ مَنْقُوشَةٍ وَسَقَفَهُ بِالسَّاجِ

427- `Ali bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ya`qub bin Ibrahim bin Sa`ad meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepadaku daripada Shalih bin Kaisaan, katanya: Naafi` meriwayatkan kepada kami bahawa `Abdullah bin `Umar menceritakan kepadanya, (katanya): “Sesungguhnya masjid ini (masjid nabi s.a.w. ini) di zaman Rasulullah s.a.w. terbina daripada batu-bata (mentah), bumbungnya daripada pelepah tamar dan tiang-tiangnya ialah kayu pokok tamar. Abu Bakar tidak menambahkan apa-apa (pada binaan masjid nabi s.a.w. itu), tetapi `Umar telah menambah. Beliau membinanya mengikut seperti di zaman Rasulullah s.a.w. juga dengan batu-bata (mentah) dan pelepah tamar. Beliau Cuma menukar tiang-tiangnya dengan kayu yang lain.<sup>651</sup> Kemudian `Utsman mengubah masjid itu dengan

katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: زَحَرُوا مَسَاجِدَهُمْ Bermaksud: “Sesuatunya kaum itu pasti akan menghiaskan masjid-masjid mereka, bila saja amalan mereka rosak.” Hadits ini dha`if sekurang-kurangnya kerana terdapat perawi bernama Jubarah bin al-Mughallis di dalam isnadnya.

⁶⁵¹ Keterangan yang diberikan di sini kelihatan bercanggah. Di satu pihak dikatakan Saiyyidina `Umar telah menambah (sesuatu pada binaan masjid Nabi s.a.w.). Di satu pihak yang lain pula dikatakan beliau membinanya mengikut seperti di zaman Rasulullah s.a.w. juga dengan batu-bata (mentah) dan pelepah tamar. Seolah-olahnya tidak ada apa-apa penambahan berlaku. Kalau begitu apakah yang ditambah `Umar sebenarnya? Yang ditambah `Umar sebenarnya ialah berupa perluasan masjid di sebelah qiblat kadar dua saf, di sebelah barat dan utara diperluaskan sedikit dengan menambahkan dua-dua tiang di setiap arah tersebut. Itu sahaja penambahan yang dibuat `Umar pada tahun 17H. Bahagian-bahagian yang lain tetap kekal seperti asal tanpa penambahan dan perubahan. Apa yang dilakukan oleh `Umar hanyalah pembaharuan dan penukaran bahan-bahan lama yang telah buruk dan rosak dengan bahan-bahan yang baharu serta sedikit perluasan. Keluasan masjid Nabi s.a.w. selepas perluasan yang dilakukan oleh `Umar itu ialah 3,575m persegi. Panjang masjid Nabi s.a.w. itu pada asalnya ialah 100 hasta (kira-kira 70m) dari dinding qiblat hingga ke bahagian belakangnya. Menurut sesetengah `ulama', lebarnya sama dengan panjangnya (100 x 100 hasta atau 2,475m<sup>2</sup>) atau kurang sedikit daripadanya menurut pendapat `ulama' yang lain iaitu kira-kira 63m. Tapak atau lantainya diangkat setinggi tiga hasta. Ketinggian bumbungnya pula ialah 7 hasta. Bahagian tengah masjid tidak beratap. Yang beratap hanyalah kawasan tepiannya. Bagaimanapun bahagian di sebelah qiblat lebih banyak beratap. Atapnya hanyalah pelepah tamar dan daun-daunnya. Atas keperluan, selepas perang Khaibar Nabi s.a.w. menambahkan keluasannya, 10 hasta di sebelah timur dan 20 hasta di sebelah barat dengan penambahan satu tiang di sebelah timur dan dua tiang di sebelah barat. Luas masjid Nabi s.a.w. di tahun-tahun terakhir kehidupan Baginda ialah kira-kira 3,500m persegi. Selepas perluasan, pengukuhan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh Saiyyidina `Utsman pada tahun 29-30H, Keluasan masjid Nabi s.a.w. menjadi 4,071m persegi. Demikianlah serba ringkas sejarah pembinaan masjid Nabi s.a.w. di peringkat awalnya. Jumhur `ulama' di sepanjang zaman berpendapat, bahagian-bahagian masjid yang ditambah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sampai bila-bila pun dikira sebagai masjid Nabi s.a.w. juga. Kedudukan bahagian-bahagian masjid yang ditambah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. daripada segi pahala bersembahyang juga adalah sama dengan bahagian-bahagian yang di bina semasa

membuat banyak sekali penambahan. Dinding masjid dibinanya dengan batu-batu berukir dan bercat. Tiang-tiangnya juga daripada batu-batu berukir. Bumbungnya pula dibuatnya dengan kayu jati.”⁶⁵²

hayat Baginda s.a.w. Hanya segelintir ‘ulama’ berpendapat kelebihan yang tersebut di dalam hadits Bukhari dan Muslim ini umpamanya: *صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ*. Bermaksud: “Satu sembahyang di masjidku ini lebih baik daripada seribu sembahyang di masjid selainnya kecuali Masjidilharam.” hanya melibatkan bahagian-bahagian masjid yang telah wujud di zaman Rasulullah s.a.w. sahaja. Bahagian-bahagian yang ditambah kemudian tidak termasuk dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini. Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah Imam an-Nawawi, Ibnu al-Jauzi dan Ibnu ‘Aqil al-Hambali. Di kalangan salaf boleh dikatakan tidak ada seorang pun tokoh yang sependapat dengan mereka. Antara dalil jumhur ‘ulama’ dalam masalah ini ialah amalan para sahabat selepas penambahan di sebelah arah qiblat di zaman ‘Umar dan ‘Utsman. Mereka tetap berlumba-lumba mendapatkan saf pertama, kedua dan ketiga yang tentunya berada di bahagian yang baru ditambah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Tidak pernah diketahui ada sesiapa di antara mereka menganggap bahagian itu bukan termasuk dalam masjid Nabi s.a.w. Maka pahala yang diperolehi kerana bersembahyang di situ tidak sama dengan pahala bersembahyang di dalam masjid Baginda s.a.w. Tidak pernah juga diketahui ada sesiapa di antara mereka mengutamakan saf di belakang dan berlumba-lumba mendapatkannya dengan meninggalkan saf-saf yang berhampiran dengan imam, semata-mata kerana ia berada di dalam bahagian masjid yang telah wujud di zaman Rasulullah s.a.w.! Amalan harian dan berterusan para sahabat itu menguatkan atsar-atsar berikut ini walaupun sanad-sanadnya lemah: (1) ‘Umar bin Syabbah dengan sanadnya meriwayatkan daripada Abi Hurairah di dalam kitabnya “Akhbaar al-Madinah”. Kata Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda: *لَوْ بَنِيَ هَذَا الْمَسْجِدَ إِلَى صَنْعَاءَ لَكُنْ مَسْجِدِي*. Bermaksud: “Sekiranya masjid ini dibina hingga ke Shan’aa’ sekalipun, ia tetap masjidku.” (2) ‘Umar bin Syabbah juga dengan sanadnya meriwayatkan daripada Saiyyidina ‘Umar, kata beliau: *لَوْ زِدْنَا فِيهِ حَتَّى نَبْلُغَ الْجَبَانَ كَانَ مَسْجِدَ النَّبِيِّ*. Bermaksud: “Kalau kita tambahkannya (masjid Nabi s.a.w.) hingga ke Jabbaanah sekalipun, ia tetap masjid Nabi s.a.w.” (3) Dengan sanadnya lagi Ibnu Syabbah meriwayatkan daripada Saiyyidina ‘Umar, kata beliau: *لَوْ مَدَّ مَسْجِدَ النَّبِيِّ إِلَى ذِي الْحَلِيفَةِ كَانَ مِنْهُ*. Bermaksud: “Kalau masjid nabi ini ditambahkan hingga ke Zilhulaifah (sekalipun), ia tetap sebahagian daripadanya.” (4) Imam Ahmad di dalam Musnadnya meriwayatkan, katanya:

حَدَّثَنَا حَمَّادُ الْخَطَّاطِ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ زَادَ فِي الْمَسْجِدِ مِنَ الْأَسْطُوَانَةِ إِلَى الْمَقْصُورَةِ وَزَادَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَوْلَا أَنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ يَنْبَغِي نَزِيدُ فِي مَسْجِدِنَا مَا زِدْتُ فِيهِ

Bermaksud: Naafi’ meriwayatkan bahawa ‘Umar r.a. menambahkan masjid ini dari tiang itu hingga ke ruang berdiri imam ketika bersembahyang. ‘Utsman r.a. (juga) menambahkan (keluasannya). (Kata Naafi’) ‘Umar r.a. pernah berkata: “Kalau tidak kerana aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Patut sekali kita menambah (keluasan) masjid kita ini”, niscaya aku tidak menambahnya.” Atsar ini dha’if kerana ‘Abdullah yang meriwayatkan daripada Naafi’ itu ialah ‘Abdullah bin ‘Umar al-‘Umari. Dia seorang perawi yang dipertikaikan oleh para ‘ulama’. Walaupun Imam Ahmad dan lain-lain mengatakan dia tsiqah tetapi ramai tokoh-tokoh Rijal yang lain seperti Nasaa’i, ‘Ali Ibnu al-Madini dan Yahya bin Sa’id al-Qatthaan dan lain-lain menganggapnya dha’if. Selain itu sanad atsar ini terputus di antara Naafi’ dan ‘Umar. Naafi’ tidak mendengar apa-apa daripada ‘Umar. Kalau atsar ini sahih, tentu ia boleh dijadikan hujah yang kuat utk menyabitkan bahagian-bahagian masjid yang ditambah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sebagai masjid Baginda juga secara pasti. Bagaimanapun ijmaa’ sahabat sudah cukup utk kita sebagai bukti dan hujah.

⁶⁵² Antara pengajaran, panduan dan petunjuk yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Asal binaan masjid Nabi s.a.w. amat ringkas dan bersahaja tanpa sebarang perhiasan. (2) Apa yang perlu dijaga dalam pembinaan sesebuah masjid ialah niat dan keperluan. Niatlah yang menentukan nilai sesebuah masjid, bukan cantik hodohnya atau besar kecilnya. (3) Tidak salah membuat masjid yang besar, luas dan hebat jika niatnya ialah untuk menjaga kehormatannya dan memenuhi keperluan masyarakat. (4) Umat Islam dalam rangka pembinaan masjid tidak terikat dengan rupa masjid nabi di peringkat awalnya. Dalilnya ialah perbuatan Saiyyidina ‘Umar dan Saiyyidina ‘Utsman memperbesar dan memperluaskan masjid Nabi s.a.w. di zaman pemerintahan mereka apabila keadaan memerlukan. Tindakan mereka diterima baik oleh para sahabat yang masih hidup pada ketika itu. (5) Haram membina masjid yang cantik dan hebat dengan maksud menunjuk-nunjuk, bermegah-megah dan lain-lain tujuan duniawi. Perbuatan seperti itu tentu sekali bercanggah dengan tujuan asal pembinaan masjid yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. (6) Kedudukan bahagian-bahagian masjid yang ditambah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. daripada segi pahala bersembahyang adalah sama dengan bahagian-bahagian yang dibina semasa hayat Baginda s.a.w. (7) Bahagian-bahagian masjid yang ditambah

بَابُ التَّعَاوُنِ فِي بِنَاءِ الْمَسْجِدِ وَقَوْلُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكَفْرِ أُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿٥٣﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَتَخَشَّ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٥٤﴾

36- Bab Berkerjasama Dalam Membina Masjid⁶⁵³ Dan Firman Allah Azza Wa Jalla: Bermaksud: Tidaklah Layak Orang-Orang Musyrik Itu Mema'murkan

selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sampai bila-bila pun dikira sebagai masjid Nabi s.a.w. juga. (8) Mencantikkan masjid, meneguhkannya dan menghiasinya dengan perhiasan-perhiasan yang munasabah adalah diharuskan, jika dilakukan untuk menjaga kehormatannya dan tidak digunakan pula wang baitulmal. Ibnu al-Munaiyyir berkata: "Demi menjaga kehormatan masjid, tidak mengapa meninggi, memperkukuh dan menghiaskannya apabila rumah-rumah kediaman orang di sekitarnya juga begitu." (9) Keharusan merobohkan mana-mana bahagian masjid dan menggantikannya dengan bahan-bahan yang baharu jika diperlukan dalam kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahbaikannya. (10) Keharusan menggunakan bahan-bahan yang diimport dari luar negara untuk membuat masjid, rumah dan lain-lain walaupun dari negara bukan Islam. Buktinya ialah kayu bermutu tinggi seperti kayu jati yang digunakan di negeri Arab pada ketika itu kebanyakannya datang sama ada dari India atau Afrika. Begitu juga dengan batu berukir dan besi yang digunakan dalam konkrit tiang-tiang masjid oleh Saiyyidina Utsman. Kebanyakannya datang dari luar negara. (11) Orang-orang Islam hendaklah tahu menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman. Mereka juga sepatutnya sentiasa berfikir untuk menjaga maruah agama dan ummat.

⁶⁵³ Tajuk bab ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Ini ialah bahagian pertamanya. Bahagian keduanya bermula dengan "Dan Firman Allah ...". Walaupun ia terbahagi kepada dua bahagian tetapi kedua-dua bahagiannya saling berkait rapat. Benar juga kalau dikatakan bahagian keduanya adalah bukti dan penguat kepada bahagian pertamanya. Yang disebut-sebut sebagai maksud Bukhari mengadakan bab ini ada tiga semuanya. (1) Imam Bukhari mahu mengisytarkan bahawa berkerjasama dalam membina masjid adalah satu perbuatan yang mendatangkan pahala. Orang yang lebih banyak menyumbang dalam pembinaannya akan mendapat lebih pahala. (2) Menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada tindakan Rasulullah s.a.w. tidak mahu menerima tanah tapak masjid yang hendak diberikan secara percuma oleh pemilik-pemilikinya. Seolah-olahnya beliau s.a.w. tidak membuka peluang kerjasama untuk pembinaan masjid. Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari menegaskan bahawa kerjasama memang diperlukan malah dianjurkan dan digalakkan tetapi kalau sampai menggunakan hak-hak orang lain dengan cara yang tidak benar, itu sama sekali tidak diharuskan. Oleh kerana tanah tapak masjid yang ditawarkan secara percuma kepada Rasulullah s.a.w. melibatkan juga hak anak yatim, beliau menolak tawaran itu dan tidak mahu menerimanya kecuali dengan dibeli. (3) Orang-orang Islam tentunya akan mendapat menafa'at secara langsung atau tidak langsung daripada pembinaan sesebuah masjid. Oleh itu mereka hendaklah berkerjasama dalam menjayakan pembinaannya. Bagi penulis, Imam Bukhari mahu menarik perhatian kepada dua perkara. **Pertama:** Tentang erti pembinaan masjid atau meng'imarahkan masjid menurut istilah al-Qur'an. **Kedua:** Siapakah sepatutnya berkerjasama membina dan membangunkan masjid dan kenapa? Ibnu Rajab menulis: "Ada dua erti meng'imarahkan masjid: (1) Meng'imarahkannya dari sudut lahiriah dengan membina, membaiki, mengelokkannya dan lain-lain. (2) Meng'imarahkannya dari sudut ma'nawi dan kerohanian dengan bersembahyang, berzikir, membaca al-Qur'an, menyebarkan ilmu yang diturunkan Allah kepada Rasulullah dan lain-lain di dalamnya. Ada ahli tafsir mentafsirkan ayat di atas dengan erti pertama, ada yang mentafsirkannya dengan erti kedua dan ada juga yang mentafsirkannya dengan kedua-dua erti tadi." Orang yang patut berkerjasama dalam menterjemahkan kedua-dua erti itu dalam kenyataan ialah orang-orang Islam bukan orang-orang kafir. Sebabnya ialah orang-orang Islam dan beriman sahaja yang dapat mengambil menafa'at daripada membina, membangun dan menghidupkan (meng'imarahkan) masjid. Mereka juga yang layak dengan masjid yang merupakan pusat ajaran tauhid. Hakikat ini jelas dapat dilihat di dalam dua ayat Surah at-Taubah yang dibawakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Maka orang-orang Islam sepatutnya membina sendiri, memperbaiki sendiri dan mengubahsuaikan sendiri segala apa yang berkaitan dengan bangunan masjid itu. Mereka tidak seharusnya bergantung kepada orang-orang kafir. Meng'imarahkan masjid dengan erti menghidupkannya dengan amal ibadat sudah tentu merupakan sesuatu yang khusus dengan umat Islam. Sampai di sini timbul

Masjid-Masjid Allah, Sedang Mereka Menjadi Saksi (Mengakui) Akan Kekufuran Diri Mereka Sendiri. Itulah Orang-Orang Yang Segala Amalannya Sia-Sia Dan Mereka Pula Akan Kekal Di Dalam Neraka. 17.

Hanyasanya Yang Layak Memamurkan Masjid-Masjid Allah Itu Adalah Orang-Orang Yang Beriman Kepada Allah Dan Hari Akhirat Serta Mendirikan Sembahyang Dan Menunaikan Zakat Dan Tidak Takut Melainkan Kepada Allah. (Dengan Adanya Sifat-Sifat Yang Tersebut) Maka Adalah Diharapkan Mereka Termasuk Dalam Golongan Orang-Orang Yang Mendapat Petunjuk. 18.⁶⁵⁴ (At-Taubah:17-18).

٤٢٨ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُخْتَارٍ قَالَ حَدَّثَنَا خَالِدُ الْحَذَّاءُ عَنْ عِكْرِمَةَ قَالَ لِي ابْنُ عَبَّاسٍ وَلَا بِنْتُهُ عَلِيٌّ انْطَلَقَا إِلَى أَبِي سَعِيدٍ فَاسْمَعَا مِنْ حَدِيثِهِ فَأَنْطَلَقْنَا فَإِذَا هُوَ فِي حَائِطٍ يُصَلِّحُهُ فَأَخَذَ رِدَاءَهُ فَاحْتَبَى ثُمَّ أَنْشَأَ يُحَدِّثُنَا حَتَّى أَتَى ذِكْرَ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ فَقَالَ كُنَّا نَحْمِلُ لَبَنَةً لَبَنَةً وَعَمَّارٌ لَبَنَتَيْنِ لَبَنَتَيْنِ فَرَأَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَنْفُضُ

persoalan, tidak ada langsungkah ruang untuk orang-orang kafir berkerjasama dengan kita dalam pembinaan masjid? Bagaimana kalau mereka secara sukarela mahu membantu kita umat Islam dalam mengimarahkan sudut lahiriah masjid? Dan bolehkah atau tidak misalnya kita mengupah mereka untuk memperbaiki sesuatu yang rosak di dalam masjid atau memasang sesuatu yang diperlukan di dalamnya? Sesetengah 'ulama' berpendapat orang-orang kafir boleh berkerjasama dengan kita dalam pembinaan masjid, berdasarkan Masjidilharam di zaman rasulullah s.a.w. adalah hasil binaan orang-orang kafir. Rasulallah s.a.w. sendiri telah berkerjasama dengan mereka dalam pembinaan Ka'bah yang merupakan pusat Masjidilharam sebelum Baginda s.a.w. dilantik menjadi rasul. Di dalam masjid itulah kemudiannya Nabi s.a.w. dan orang-orang Islam yang lain bersembahyang. Dengan menghadap ke arah Ka'bah itulah juga mereka bersembahyang sepanjang hayat. Ini jelas menunjukkan kerjasama mereka dalam pembinaan sesebuah masjid tidak menjadi penghalang kepada umat Islam untuk beribadat di dalamnya. Cuma faedah kerjasama mereka itu hanya terhenti setakat lahir sahaja, ia sama sekali tidak mendatangkan pahala kepada mereka. Walau bagaimanapun Para 'ulama' tetap tidak mengharuskan masjid dibina dengan wang yang didermakan oleh orang kafir khusus untuk membina masjid, meskipun mereka tidak terlibat secara langsung dalam pembinaannya. Ini adalah pendapat jumhur 'ulama' Islam. Pihak yang tidak membenarkannya berpegang dengan zahir ayat-ayat di atas yang menafikan kelayakan orang-orang musyrikin untuk memamurkan masjid-masjid Allah dalam segala bentuknya. Hadits 'Iyaadh bin Himaar r.a. berikut ini juga menjadi pegangan mereka. Kata 'Iyaadh:

أَهْدَيْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَاقَةً فَقَالَ اسْلَمْتُ فَقُلْتُ لَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي تَهَيْتُ عَنْ زَيْدِ الْمُشْرِكِينَ

Bermaksud: Aku hendak menghadiahkan seekor unta kepada Nabi s.a.w. Baginda bertanya: "Adakah engkau telah memeluk Islam?" Jawabku: "Tidak." Nabi s.a.w. terus bersabda: "Sesungguhnya aku dilarang daripada mengambil hadiah (sumbangan) orang-orang musyrikin." (Hadits riwayat Abu Daud, Tarmizi, Baihaqi, Ibnu al-Jarud, at-Thabaraani dan lain-lain). Soal mengupah orang-orang musyrikin untuk membina, memperbaiki sesuatu yang rosak di dalam masjid atau memasang sesuatu yang diperlukan di dalamnya, kebanyakan 'ulama' membolehkannya. 'Umar bin 'Abdil 'Aziz dikatakan telah mengupah beberapa orang pekerja Kristian dalam pembinaan masjid Nabi s.a.w. yang berlaku di zaman pemerintahan al-Walid bin 'Abdil Malik. Demikian tulis Ibnu Rajab.

⁶⁵⁴ Menurut Hafiz Ibnu Hajar tujuan Bukhari membawa dua ayat Surah at-Taubah ini ialah untuk mentarjihkan satu daripada dua ihtimaal (ma'na) pada dua perkataan di dalamnya. **Pertama:** Perkataan **مَسْجِدَ اللَّهِ**. Ia mungkin bererti tempat-tempat sujud kepada Allah atau tempat-tempat yang dibina khusus untuk mendirikan sembahyang yang juga dipanggil masjid. **Kedua:** Perkataan **يَعْمُرُ**. Jika **مَسْجِدَ اللَّهِ** dipakai dengan ma'na kedua tadi iaitu ia dipakai dengan ma'na masjid, maka memamurkannya (perkataan **يَعْمُرُ**) mungkin bererti membinanya atau boleh jadi juga ia bererti menghidupkannya dengan ibadat. Bagi Hafiz Ibnu Hajar, Imam Bukhari mentarjihkan perkataan **مَسْجِدَ اللَّهِ** dengan erti masjid-masjid dan perkataan **يَعْمُرُ** dengan erti membina. Kesimpulan ialah kerjasama dan tolong menolong dalam membina masjid hanyalah layak dan berfaedah untuk orang-orang beriman. Adapun orang-orang kafir kerana ketiadaan kelayakan, segala usaha mereka untuk pembinaan masjid adalah sia-sia belaka dan tidak berguna langsung di akhirat nanti.